

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(IV)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

14. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Enakmen Pengurusan Sisa Makanan dan Waste-to-Energy (WtE) sebagai usaha mengurangkan penggunaan tapak pelupusan sampah Pulau Burong?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

14. Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak merancang untuk mewujudkan Enakmen Pengurusan Sisa Makanan dan Waste-to-Energy (WTE) kerana Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sedang dalam proses untuk meminda Undang-Undang Kecil (UUK) Pengasingan Sampah Dan Pelesenan Perkhidmatan Pemungutan Sampah Yang Boleh Dikitar Semula 2016 untuk dikuatkuasakan yang meliputi perkara-perkara berikut:
 - (i) Kawalan ke atas penjana sisa dan pihak yang memiliki sisa sampah;
 - (ii) Kehendak bagi lesen pungutan dan sistem perkhidmatan pungutan;
 - (iii) Kuasa sitaan;
 - (iv) Pelaporan dan pengurusan data maklumat; dan
 - (v) Penalty atau denda sekiranya tidak mengasingkan sisa.

Pindaan Undang-Undang Kecil tersebut memadai untuk menguruskan sisa makanan dan cadangan pelaksanaan teknologi WTE di peringkat PBT.

